

TARIKH:

SURAT KHABAR: Harian Metro

MUKA SURAT: 16

cabutan FY

16

www.hmetro.com.my

@hmetromy

HarianMetro

@hmetromy

lokal

GAJI MINIMUM RM1,500 BABIT MAJIKAN KURANG 5 PEKERJA

Penguatkuasaan bermula semalam

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan gaji minimum RM1,500 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja berkuat kuasa mulai semalam.

Ketetapan tarikh itu diputuskan kerajaan akhir tahun lalu, selepas majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja dibenarkan menangguhkan pemberian gaji minimum terabit sehingga enam bulan, berbanding ditetapkan 1 Januari lalu sebelum ini.

Ia membabitkan semua

sektor termasuk perladangan, pertanian dan pembuatan kecuali perkhidmatan domestik dan apertentis.

Pelaksanaan gaji minimum baharu diluluskan kerajaan pada 19 Mac 2022 dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan Jabatan Peguam Negara pada 27 April, tahun lalu.

Perintah Gaji Minimum

(PGM) 2022 kemudiannya dikuatkuasakan 1 Mei 2022 dengan kadar gaji sebanyak

RM1,500 sebulan untuk semua sektor tanpa mengira wilayah bagi majikan yang menggajikan lima pekerja atau lebih.

Namun bagi majikan mempunyai kurang daripada lima pekerja, kerajaan membenarkan penangguhan pelaksanaan gaji minimum itu sehingga se-

malam.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar, dilaporkan berkata, sebelum ini, keputusan itu dibuat kerajaan selepas mengambil kira soal kesediaan majikan dalam kategori berkenaan bagi menguatkuasakan gaji minimum baharu kepada pekerja mereka.

Keputusan penangguhan itu dibuat sebelum ini selepas kerajaan mengambil kira pandangan pelbagai pihak berkepentingan yang dijangka menghadapi cabaran ekonomi serta kewangan pada tahun depan.

“ Kerajaan sebelum ini ambil kira soal kesediaan majikan dalam kategori berkenaan Sivakumar

MODEL GAJI PROGRESIF

MASIH KAJI LAGI

Putrajaya

Model gaji progresif yang akan dibentangkan pada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bertujuan untuk meneliti kewajaran pelaksanaannya, kata Menteri Sumber Manusia V Sivakumar.

Beliau dalam satu kenyataan berkata, ia juga untuk membuat ketetapan, sama ada untuk mengkaji model gaji itu atau mencari alternatif lain, bagi penambahbaikan sistem gaji sedia ada di Malaysia.

“Kerajaan masih belum memuktamadkan sama ada untuk menggunakan model gaji (progresif) berkenaan,” katanya dan menambah, kerajaan juga sedar cadangan mengkaji model gaji progresif itu mempunyai keangangan dari segi pelaksanaannya.

Pada Rabu lalu, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, kertas dasar yang dibangunkan oleh Kementerian

mengenai Dasar Gaji Progresif akan dibentangkan kepada MTEN pada Ogos depan.

Rafizi berkata, dasar itu bertujuan memastikan pertumbuhan gaji rakyat lebih sekata serta inklusif dan mendorong ke arah penjaan pendapatan lebih baik.

Sivakumar berkata, model gaji progresif antara lain boleh membantu dalam mencari penyelesaian untuk memberi manfaat kepada kedua-dua pihak, di samping sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti yang dipromosikan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia sejak 2005.

Beliau berkata, Singapura sudah melaksanakan model gaji progresif, selepas membuat kajian selama lima tahun dan model gaji berkenaan hanya dilaksanakan dalam tiga sub sektor sahaja.

Dalam pada itu, Sivakumar berkata, gaji minimum yang sudah ditetapkan ke-

lam tiap-tiap dua tahun.

“Hasrat kerajaan dalam penetapan gaji terbabit adalah supaya pekerja mendapat gaji setimpal dengan produktiviti kerja, kemahiran dan juga pengalaman mereka, dan pada masa sama majikan mendapat produktiviti dan keuntungan,” katanya.

Namun, Sivakumar berkata, kerajaan juga akan melihat kewajaran model gaji lain, untuk memberi manfaat kepada pekerja dan juga majikan.

“Maka adalah wajar untuk kerajaan melihat kepada sistem gaji selain daripada pelaksanaan gaji minimum,” katanya.

Gaji merupakan hasil pendapatan seseorang individu selepas bekerja dalam satu tem-

nimum menurut Seksyen 2 Akta Majlis Perundangan Gaji Perundangan Gaji Negara 2011 (Akta 732) ialah gaji pokok iaitu pendapatan asas yang tidak termasuk apa-apa elaun atau bayaran lain.

“ Kerajaan masih belum muktamad gunakan model gaji progresif Sivakumar

